

Riwayat Firdaus

Muhammad Fariddudin bin Abdul Rahim

“Lari, lari, ada orang mengamuk!” Jerit satu suara yang garau.

Suasana sepi. Tiada siapa yang bertanya siapakah empunya suara yang garau itu mahupun menyelamatkan diri.

“Larilah, orang mengamuk dah datang!” Jerit suara itu kembali.

“Diamlah Firdaus, orang di sini mahu belajarlah!” Sahut satu suara.

“Lawak engkau tidak menjadilah. Sekarang tolong diam!” Tambah satu suara lagi.

Itulah dia Firdaus, pemilik suara yang garau itu yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Sains Muar. Walaupun belajar di sekolah yang bagus, Firdaus merupakan seorang yang agak nakal dan hobinya adalah mengganggu ketenteraman orang lain, terutama sekali apabila orang itu sedang belajar. Makin teruk diganggunya. Inilah kesannya apabila terlalu rapat dengan pelajar nakal yang lain. Walaupun sudah puas dinasihati, tapi semua usaha itu bagaikan mencurahkan air ke daun keladi kerana tiada satu pun yang didengarinya. Semuanya diabaikan.

Pada suatu hari, sedang Firdaus tergesa-gesa bersiap untuk pergi ke sekolah, dia ditegur dari belakang oleh Hafiz.

“Firdaus, rajin kau ke sekolah hari ni.” Kata Hafiz

“Aku memang rajin. Kau ingat aku ni apa? Pemalas macam kau?” Balas Firdaus agak kasar kerana memang begitulah perangainya.

“Kalau kau dah tahu aku pemalas, jomlah kita ponteng kelas matematik hari ini.”

“Teruknya perangai, tapi macam seronok je.” Kata Firdaus.

“Memang seronok. Percayalah.” Kata Hafiz.

“Kalau macam tu bolehlah.” Firdaus akhirnya bersetuju.

Selepas Firdaus bersetuju, mereka berdua pun mula bergerak ke surau. Lokasi yang paling strategik bagi mengelakkan diri terserempak dengan cikgu Yee, iaitu cikgu yang mengajar mata pelajaran Matematik. Tiba sahaja di surau, mereka pun melangkah masuk penuh bersahaja dan melenakan mata di bahagian belakang surau yang agak tersembunyi.

Kira-kira 1 jam kemudian, mereka berdua masih lagi tertidur. Tiba-tiba Hafiz terbangun.

“Eh, dah masa untuk kelas sejarah pula, baik aku cepat.” Bisik Hafiz sendirian.

Hafiz pun mula mengemaskan diri dan menuju ke kelas untuk belajar sejarah dengan cikgu Rosminah. Tetapi dia telah terlupa sesuatu, iaitu untuk mengejutkan Firdaus. Akibatnya, Firdaus terlena terlalu lama dan terlepas kelas sejarah dengan cikgu Rosminah pula.

Kira-kira 30 minit kemudian, Firdaus terjaga. Fikirannya masih mamai. Sebaik sahaja benar-benar

tersedar, dia perasan yang dia telah ditinggalkan oleh Hafiz.

“Tak guna punya Hafiz, dah ajak aku ponteng tak ajak aku masuk kelas pula.” Bisik Firdaus.

Kerana tidak mahu dimarah kerana masuk lambat ke kelas, Firdaus terus pergi ke perpustakaan untuk belajar sendiri. Sebaik sahaja tiba di sana, dia terus pergi ke dalam Bilik Rujukan. Pada mulanya dia bercadang untuk belajar Fizik, tetapi malang sekali nasibnya kerana terlah tersalah bawa buku. Oleh sebab fikirannya semakin kusut dan bercelaru, Firdaus pun menyambung tidurnya semula.

Selepas waktu rehat, Firdaus akhirnya masuk ke kelas. Dia diberitahu oleh rakan-rakan sekelasnya yang Cikgu Yee dan Cikgu Rosminah amat marah kerana dia telah memonteng kelas mereka. Firdaus juga sedang diburu oleh kedua-dua orang guru ini. Oleh sebab perasaan takut telah menyelubungi diri, maka dia pun melarikan diri ke asrama kerana takut akan dikenakan tindakan disiplin oleh Cikgu Yee dan Cikgu Rosminah. Tetapi dia terlupa yang pada hari esok dia akan ada kelas bersama-sama kedua-dua guru ini.

Keesokan harinya, Firdaus berasa amat takut untuk pergi ke sekolah kerana tindakannya memonteng kelas telah diketahui cikgu. Dia bercadang untuk memonteng sekali lagi pada hari itu. Tetapi, memikirkan yang dia akan dikenakan tindakan yang lebih berat, maka dia pun membatalkan hasratnya. Walaupun gementar, Firdaus mengagahkan dirinya untuk pergi ke sekolah.

Namun begitu, kakinya masih lagi terketar-ketar ketakutan. Lambat sekali dia berjalan ke sekolah.

Sedang dia asyik berjalan, tiba-tiba.

“Firdaus, bukankah awak ada kelas sejarah sekarang? Awak buat apa di sini?” Kata satu suara yang amat ditakuti Firdaus pada hari ini, iaitu suara Cikgu Rosminah.

“Maafkan saya cikgu.” Balas Firdaus ringkas tetapi penuh cemas. Dia membuka langkah seribu dan berlari menuju ke kelasnya, 5 Azam.

Tiba di kelas, dia segera menyiapkan dirinya untuk menghadapi kelas sejarah. Apabila masuk sahaja Cikgu Rosminah, badan Firdaus pun menggigil kembali. Selepas memberi salam, belum sempat Firdaus duduk, dia telah dipanggil ke depan.

“Firdaus, kenapa awak tidak hadir semalam?” Tanya Cikgu Rosminah.

“Saya sakit cikgu.” Balas Firdaus.

“Bohong, saya dapat laporan yang awak ponteng kelas saya!” tempelak Cikgu Rosminah beserta leteran yang panjang hingga hampir 20 minit, menyebabkan telinga Firdaus kemerah-merahan dan kakinya semakin kuat menggigil.

“Awak dengar tak apa saya cakap?” tanya cikgu Rosminah.

“Dengar cikgu, saya faham, seratus peratus saya faham. Saya berjanji yang saya akan cuba untuk berubah.” Kata Firdaus bersahaja bagai dia tidak melakukan kesalahan.

“Sudah la, awak duduk. Berubah lah Firdaus, SPM pu ndah dekat.” Kata Cikgu Rosminah.

“Baiklah cikgu.” Balas Firdaus bersahaja.

Selepas itu, dia dan pelajar yang lain pergi ke kelas Matematik pula. Cabaran yang kedua bagi Firdaus, iaitu untuk berhadapan pula dengan Cikgu Yee. Tetapi kali ini dia lebih yakin dan kakinya pun tidak menggigil lagi.

Masuk sahaja ke bilik Bestari 1, dia dipanggil oleh Cikgu Yee. Dengan bersahaja dan muka selamba, Firdaus melangkah ke depan.

“Kenapa awak tidak hadir semalam?” tanya cikgu Yee ringkas tetapi garang.

“Saya sakit cikgu.” Balas Firdaus

“Sakit apa? Demam? Batuk? Atau sakit apabila ada kelas Matematik je?” tanya Cikgu Yee yang mula berdiri.

Firdaus tergamam. Kakinya menggigil kembali.

“Awak ingat saya ni apa? Mahu cari awak setiap hari? Saya pun ada kerja lain.” Tambah Cikgu Yee lagi.

Sekali lagi Firdaus dileter.

“Sudah la, lebih baik kalau saya denda awak!” Cikgu Yee bersuara lagi.

Selepas itu Cikgu Yee pun menyuruh Firdaus berdiri di atas meja dan melakukan ketuk ketampi sebanyak 100 kali disertai dengan leterannya kepada Firdaus.

Tiba-tiba, tanpa disedari, ada air mengalir di atas meja tempat Firdaus melakukan hukumannya. Serentak

dengan itu, satu kelas 5 Azam ketawa kerana rupanya Firdaus telah terkencing di dalam seluar.

“Air apa ni Firdaus? Kau bawa air teh ke sekolah?” tanya Farid ingin mengenakan Firdaus.

“Kau lupa pakai lampin ke hari ni?” tambah Hafiz lagi.

“Kau nak aku pergi bawakan lampin baru ke?” Shahrin pula bersuara sambil ketawa berdekah-dekah sambil menyanyikan lagu “Hujan sudah turun”.

Cikgu Yee pun ketawa tetapi selepas itu dia menyuruh Firdaus ke tandas dan pergi menukar seluar. Firdaus berjalan keluar dengan muka yang amat marah. Sudah pasti dia tida akan berani untuk ponteng kelas lagi. Mulai saat itu, dia telah dipanggil dengan nama “Mat Cing” iaitu singkatan daripada Mamat Kencing. Kejadian itu telah menyebabkan Firdaus berasa malu yang amat sangat.

Semenjak kejadian itu, Firdaus berasa amat malu sekali untuk berhadapan dengan Cikgu Yee mahupun Cikgu Rosminah. Buat pertama kalinya dia mengambil iktibar daripada apa yang telah berlaku. Dia berjanji yang dia akan berubah dan akan mengubah sikap dan perangainya ke arah manusia yang lebih normal. Dia juga tidak mahu digelar Mat Cing lagi.

Oleh sebab itu, Firdaus mengambil inisiatif untuk meminta maaf dengan kedua-dua cikgu Sejarah dan Matematik. Tetapi itu bukan perkara yang mudah. Oleh itu, dia telah memakai penutup telinga sebelum pergi berjumpa dengan kedua-dua cikgu tersebut kerana dia

amat pasti yang dia akan berdiri lama di bilik guru sambil dileter.

Selepas itu, hatinya semakin bersemangat untuk berubah. Dia berusaha bersungguh-sungguh untuk membuktikan yang dia mampu berubah. Seperti yang telah dapat diagak, Firdaus telah menunjukkan perubahan. Dia tidak lagi ponteng kelas, tidur dalam kelas mahupun mengganggu orang lain. Sekarang dia amat fokus pada pembelajarannya. Perubahannya ini telah menyebabkan dia dipuji oleh cikgu-cikgunya. Firdaus berasa amat bangga sekali. Dia berjanji yang dia akan menjadi lebih baik daripada semua orang.